



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT LANCAR *AI FIQH SCHOLAR VERSION*, PERKUKUH INTEGRASI TEKNOLOGI AI DAN SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 6 FEBRUARI 2026 – Bank Rakyat baru-baru ini melancarkan *AI Fiqh Scholar Version*, sebuah platform kecerdasan buatan (AI) berteraskan Syariah yang dibangunkan dengan kerjasama rakan strategik, Fiqh Tech Sdn Bhd.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat, telah disempurnakan oleh **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Shariff**. Dalam ucapannya, **Ahmad Shahril** berkata, pelancaran ini menandakan komitmen berterusan Bank Rakyat dalam menerajui inovasi kewangan Islam yang menggabungkan teknologi digital dan prinsip Syariah secara menyeluruh.

“Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan patuh Syariah, Bank Rakyat percaya bahawa tanggungjawab institusi kewangan bukan sahaja tertumpu kepada penyediaan penyelesaian kewangan, malah merangkumi usaha memperkasa nilai Syariah, memperkukuh tadbir urus serta memastikan inovasi memberi manfaat kepada kesejahteraan ummah.

“*AI Fiqh Scholar Version* merupakan solusi teknologi AI yang memberikan jaminan ke atas ketulenan dan kesahihan sumber rujukan Syariah, tanpa sebarang unsur fabrikasi maklumat. Inisiatif ini membuktikan bahawa teknologi dan Syariah mampu digabungkan bagi menghasilkan impak yang lebih besar dalam dunia digital,” katanya.

Sebagai nilai tambah kepada masyarakat, sebanyak **8%** daripada yuran langganan *AI Fiqh* akan disalurkan ke Dana Wakaf Tunai Bank Rakyat bagi tempoh lima tahun, untuk menyokong inisiatif pelaburan wakaf serta projek-projek berasaskan wakaf. Pendekatan ini mencerminkan peranan inovasi AI bukan sahaja sebagai pemacu industri, tetapi juga sebagai instrumen pembangunan sosial dan pemerikasaan komuniti.



Bank Pilihan Anda

Al Fiqh kini telah digunakan oleh pengguna dari 72 buah negara, termasuk Jerman, Mesir, Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi, sekali gus membuktikan penerimaan global terhadap solusi teknologi kewangan Islam yang berteraskan Syariah.

Dalam majlis yang sama, Bank Rakyat turut mengumumkan pemenang Pertandingan *Al Fiqh Hackathon in Islamic Finance 2026* yang telah berlangsung pada 28 Januari 2026, sebagai usaha menggalakkan penglibatan bakat tempatan dan antarabangsa dalam pembangunan inovasi kewangan Islam berasaskan AI.

“Pelancaran ini mencerminkan keyakinan Bank Rakyat bahawa penggunaan teknologi AI mampu memperkukuh aktiviti penyelidikan, inovasi dan pembuatan keputusan dalam kewangan Islam, tanpa menggantikan peranan cendekiawan serta pertimbangan manusia,” tambah **Ahmad Shahril**.

-TAMAT-